

23/11/1999

Pas tidak layak memerintah

Noor Jaafar

KUALA TERENGGANU, Isnin - Pas tidak layak memerintah Terengganu kerana pemimpin parti itu gagal menyelesaikan masalah dalaman sendiri sehingga menyebabkan Pas kawasan Besut dibubarkan, tahun lalu.

Bekas Ketua Dewan Ulama Pas, Mohd Ghazali Ahmad, berkata selain itu, di Besut juga menyaksikan Naib Presiden Pas, Mustaffa Ali ditumbuk pengikut sendiri gara-gara cuba menyelesaikan kemelut itu.

"Pas juga sukar menawan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Jertih walaupun membariskan bekas Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abas kerana pemimpin Pas kawasan yang dipecat, Wan Mohamad Wan Ahmad, bertanding sebagai calon Bebas," katanya.

Beliau berkata, Pas Terengganu juga disifatkan lebih ekstrim berbanding pengikut parti itu di negeri lain, termasuk Kelantan yang lebih toleransi.

"Hasrat untuk menjadikan Terengganu negeri industri juga akan gagal kerana tidak ada ahli parti itu yang pandai dan berwibawa untuk menarik pelabur dan membuka industri di negeri ini," katanya di Sik, Kedah, hari ini.

Mohd Ghazali berkata, selagi Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad menerajui kepimpinan negeri dan Umno, Pas sukar menawan dan memerintah negeri ini.

"Mengikut pengamatan saya, Wan Mokhtar, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Tun Ghafar Baba adalah tokoh Umno yang mempunyai keistimewaan dan kelebihan tersendiri yang sukar digugat parti lawan.

"Kemaman, Besut, Setiu dan Hulu Terengganu adalah antara kawasan paling selamat bagi calon Barisan Nasional (BN) di negeri ini. Manakala kedudukan BN di kawasan lain iaitu Kuala Terengganu, Dungun dan Kuala Nerus, masih berbelah bagi," katanya.

Beliau menganggar Pas boleh memenangi semaksimum 12 kerusi DUN dan paling sedikit lima kerusi.

Beliau menjangka Pas hanya akan memenangi tiga kerusi DUN dalam Parlimen Marang, masing-masing dua di Dungun, Kuala Nerus dan Kuala Terengganu serta masing-masing satu di Besut dan Setiu.

"Isu yang digunakan Pas dalam kempen pilihan raya umum kali adalah isu lama iaitu menghapuskan cukai pintu, cukai tanah dan bayaran tol Jambatan Sultan Mahmud. Isu itu sudah banyak kali ditimbulkan Pas iaitu sejak 1978, 1982 dan 1986," katanya.

Mohd Ghazali yakin isu yang dimasukkan dalam manifesto Pas itu tidak akan mempengaruhi pengundi.

(END)